



UNDANG UNDANG NEGERI SEMBILAN

ENAKMEN NO. 3
(Sebagaimana pembedulan N.S. P.U. 28/2008)

ENAKMEN TAREKAT TASAWUF (NEGERI SEMBILAN) 2005

Tarikh Persetujuan DiRaja:
Tarikh Disiarkan Dalam Warta: 20 Oktober 2006
Tarikh Mula Berkuat kuasa:



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
No.26

20hb Oktober 2006

TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN

Enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada 1 Disember 2005, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:

No. Enakmen	Tajuk ringkas	Muka Surat
10	Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005	115

The following Enactment passed by the Legislative Assembly, Negeri Sembilan on the 1 December 2005 is published for general information:

Enactment No.	Short title	Page
10	Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) Enactment 2005	147

ENAKMEN TAREKAT TASAWUF
(NEGERI SEMBILAN) 2005

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Kecualian prerogatif.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN PENDAFTAR, TIMBALAN PENDAFTAR
DAN PENOLONG PENDAFTAR

4. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
5. Fungsi Pendaftar.

BAHAGIAN III

KEPERLUAN MENDAFTARKAN TAREKAT TASAWUF

6. Kesalahan menubuhkan, dsb. tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.
7. Kesalahan menjadi ahli tarekat dan mengamalkan tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.

BAHAGIAN IV

PENGIKTIRAFAN SYEIKH

8. Pengiktirafan syeikh.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN TAREKAT TASAWUF

Seksyen

9. Permohonan pendaftaran.
10. Kelulusan atau penolakan pendaftaran.
11. Daftar Tarekat Tasawuf.
12. Perakuan Pendaftaran.

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN SYEIKH

13. Pusat pengamalan tarekat tasawuf.
14. Syeikh bertanggungjawab ke atas tata kelakuan ahli tarekat.
15. Salinan sumber rujukan hendaklah dihantar kepada Pendaftaran.
16. Penyediaan laporan tahunan.

BAHAGIAN VII

PENGAWALAN TAREKAT TASAWUF

17. Kesalahan melanggar syarat pendaftaran.
18. Kuasa untuk menutup pusat pengamalan tarekat tasawuf.
19. Perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah.
20. Pembatalan pendaftaran.
21. Pembatalan pendaftaran tarekat tasawuf yang tidak lagi diamalkan.
22. Kesan pembatalan pendaftaran.
23. Pendaftaran semula.

BAHAGIAN VIII
PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN

Seksyen

24. Kuasa untuk menyiasat.
25. Pendakwaan.
26. Kuasa Ketua Pendakwa Syarie tidak disentuh.
27. Pemakaian Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

BAHAGIAN IX
PELBAGAI

28. Penyampaian notis.
29. Kesalahan menghalang siasatan.
30. Kesalahan memberikan maklumat palsu.
31. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
32. Pindaan Jadual.

BAHAGIAN X
PERUNTUKAN PERALIHAN

33. Peruntukan peralihan bagi tarekat tasawuf.
34. Peruntukan peralihan bagi syeikh.
35. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Enakmen ini akan dibuat.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

NEGERI SEMBILAN

ENAKMEN No. 10 tahun 2005

SEBAGAI TANDA PERSETUJUAN DAN KEBENARAN
KAMI DAN UNDANG YANG EMPAT SERTA
TENGKU BESAR TAMPIN

(MOHOR KERAJAAN) TUANKU JA'AFAR IBNI
ALMARHUM TUANKU
ABDUL RAHMAN
Yang di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan bagi pendaftaran tarekat tasawuf dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIKANUNKAN oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negeri seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005. Tajuk ringkas.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“ahli tarekat” ertinya mana-mana orang yang telah memberi baiah dan menerima talqin zikir daripada seseorang syekh;

“Daftar” ertinya Daftar yang disenggara di bawah subseksyen 11(1);

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hambali;

En. No.
10/2003.

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan di bawah subseksyen 47(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003;

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 78(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003;

“Pegawai Penguat Kuasa Agama” ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan termasuk orang yang dilantik untuk membantu;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 4;

“pusat pengamalan tarekat tasawuf” ertinya mana-mana premis yang direkodkan dalam Daftar di bawah perenggan 11(1)(e);

“silsilah” ertinya suatu rangkaian para syeikh yang sah serta bersambungan terus sehingga Nabi Muhammad s.a.w.;

“syeikh” ertinya pemimpin suatu tarekat tasawuf, tidak kira apa jua gelarannya, dan termasuklah orang yang dipertanggungjawabkan oleh syeikh, yang diiktiraf di bawah subseksyen 8(1);

“tarekat tasawuf” ertinya suatu himpunan amalan yang disusun secara khusus oleh suatu kumpulan ahli tasawuf untuk diamalkan bagi memperoleh kebersihan zahir dan batin selaras dengan tuntutan tasawuf;

“tarekat tasawuf berdaftar” ertinya tarekat tasawuf yang didaftarkan di bawah Enakmen ini;

“tasawuf” ertinya kepatuhan yang sempurna kepada agama Islam, kebersihan jiwa daripada sifat-sifat yang cela dan tumpuan serta kebergantungan hati hanya ke-

pada Allah S.W.T.

(2) Semua perkataan dan ungkapan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah masing-masing mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak. Akta 388.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Sembilan sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Kecualian prerogatif.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN PENDAFTAR, TIMBALAN PENDAFTAR DAN PENOLONG PENDAFTAR

4. Hendaklah dilantik seorang Pendaftar dan apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.

5. Pendaftar hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) mendaftarkan tarekat tasawuf;
- (b) menyimpan dan menyenggara atau menyebab-

Fungsi Pendaftar.

kan disimpan atau disenggara Daftar Tarekat Tasawuf dan mengemaskini butir-butir dalam Daftar dari semasa ke semasa;

- (c) menjalankan apa-apa fungsi yang dikehendaki supaya dilaksanakan di bawah Enakmen ini; dan
- (d) menjalankan apa-apa perbuatan lain dan membuat apa-apa benda yang perlu, berfaedah atau suai manfaat bagi menjalankan sepenuhnya dan secara yang berkesan peruntukan-peruntukan Enakmen ini ke arah pelaksanaan yang lebih baik Enakmen ini.

Kesalahan menubuhkan, dsb. tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.

BAHAGIAN III

KEPERLUAN MENDAFTARKAN TAREKAT TASAWUF

6. (1) Tiada seorangpun boleh menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan mana-mana tarekat tasawuf melainkan jika tarekat tasawuf itu telah didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan dikenakan denda lima ribu ringgit.

Kesalahan menjadi ahli tarekat dan mengamalkan tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.

7. (1) Tiada seorangpun boleh menjadi ahli tarekat mana-mana tarekat tasawuf yang tidak didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Tiada seorangpun boleh mengamalkan sesuatu tarekat tasawuf yang tidak didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila

disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit, dan dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, boleh dikenakan denda yang tidak kurang daripada tiga ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

Pengiktirafan
syekh.

PENGIKTIRAFAN SYEIKH

8. (1) Seseorang syekh hendaklah mendapatkan pengiktirafan Jawatankuasa Fatwa.

(2) Seseorang syekh boleh diiktiraf oleh Jawatankuasa Fatwa jika dia—

- (a) seorang warganegara Malaysia;
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya ijazah dalam pengajian Islam di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya sama ada dari universiti tempatan atau luar negara atau berpengetahuan dalam hal ehwal agama Islam yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Fatwa;
- (c) telah mengamalkan sesuatu tarekat tasawuf selama suatu tempoh yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Fatwa;
- (d) mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang tarekat tasawuf yang diamalkannya;
- (e) mempunyai silsilah yang ditentusahkan oleh Jawatankuasa Fatwa; dan
- (f) mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik.

BAHAGIAN V

Permohonan
pendaftaran.

PENDAFTARAN TAREKAT TASAWUF

9. (1) Mana-mana orang yang hendak menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan sesuatu tarekat tasawuf

hendaklah mengemukakan suatu permohonan pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang TT 1 dalam Jadual Kedua kepada Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh mengarahkan pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan yang difikirkan perlu oleh Pendaftar dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Jika pemohon gagal untuk mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (2), Pendaftar bolehlah menolak permohonan pendaftaran itu atas alasan permohonan itu tidak lengkap.

Kelulusan atau penolakan pendaftaran.

(4) Setelah Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan itu lengkap, dia hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Fatwa.

10. (1) Jawatankuasa Fatwa hendaklah mempunyai kuasa untuk menimbangkan sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran suatu tarekat tasawuf.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa meluluskan permohonan pendaftaran tarekat tasawuf itu, Jawatankuasa Fatwa bolehlah menetapkan apa-apa syarat ke atas pendaftaran itu.

(3) Jawatankuasa Fatwa boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah atau menukar apa-apa syarat ke atas pendaftaran sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya.

Daftar Tarekat Tasawuf.

(4) Jawatankuasa Fatwa boleh menolak apa-apa permohonan pendaftaran tanpa memberikan apa-apa alasan.

11. (1) Hendaklah diadakan suatu Daftar Tarekat Tasawuf yang hendaklah mengandungi butir-butir mengenai suatu tarekat tasawuf berdaftar termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) nama tarekat tasawuf;
- (b) silsilah tarekat tasawuf;

- (c) syeikh tarekat tasawuf;
- (d) orang yang dipertanggungjawabkan oleh syeikh, jika ada;
- (e) alamat pusat pengamalan tarekat tasawuf;
- (f) struktur organisasi tarekat tasawuf;
- (g) senarai ahli tarekat;
- (h) bentuk amalan tarekat tasawuf termasuklah baiah dan talqin zikir;
- (i) semua dokumen berkaitan pengamalan tarekat tasawuf; dan
- (j) apa-apa maklumat lain yang difikirkan oleh Pendaftar perlu direkodkan.

(2) Pendaftar boleh membetulkan apa-apa kesilapan butir-butir dalam Daftar.

(3) Mana-mana orang boleh membuat carian dalam Daftar pada bila-bila masa waktu pejabat dan boleh membuat cabutan daripada Daftar setelah membayar fi yang ditetapkan oleh Pendaftar.

Perakuan
Pendaftaran.

12. (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Perakuan Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang TT 2 dalam Jadual Kedua kepada mana-mana tarekat tasawuf berdaftar.

(2) Syeikh bagi tarekat tasawuf berdaftar hendaklah mempamerkan atau menyebabkan supaya dipamerkan Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya di tempat yang mudah dilihat di pusat pengamalan tarekat tasawuf itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus

ringgit, dan dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN VI

KEWAJIPAN SYEIKH

Pusat pengamalan tarekat tasawuf.

13. (1) Seseorang syeikh bagi tarekat tasawuf berdaftar hendaklah menjalankan pengamalan tarekat tasawuf di dalam pusat pengamalan tarekat tasawuf itu sahaja.

(2) Jika seseorang syeikh hendak menjalankan pengamalan tarekat tasawuf di dalam mana-mana premis selain di dalam pusat pengamalan tarekat tasawuf itu, syeikh hendaklah mendapatkan kebenaran Pendaftar.

(3) Mana-mana syeikh yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau keduanya, dan dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan dikenakan denda lima ribu ringgit.

(4) Syeikh bagi tarekat tasawuf yang berdaftar hendaklah menjadikan pusat pengamalan tarekat tasawufnya sebagai pusat pengajian dan penyebaran serta pengembangan ilmu bagi manfaat ahli tarekatnya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), syeikh hendaklah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukkan pengawalseliaan pengajaran agama Islam.

(6) Syeikh bagi tarekat tasawuf yang berdaftar hendaklah memaklumkan atau menyebabkan supaya dimaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar apa-apa pertukaran al-

amat pusat pengamalan tarekat tasawufnya dalam masa empat belas hari selepas pertukaran alamat itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit.

Syeikh bertanggung-jawab ke atas tata kelakuan ahli tarekat.

14. (1) Adalah menjadi kewajipan syeikh—

- (a) untuk memaklumkan kepada ahli tarekatnya tentang apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
- (b) untuk memastikan bahawa ahli tarekatnya mematuhi Hukum Syarak dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar; dan
- (c) untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar sekiranya terdapat keingkaran dan pelanggaran oleh ahli tarekatnya terhadap Hukum Syarak dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar.

(2) Setelah diberitahu tentang keingkaran atau pelanggaran yang disebut dalam perenggan (1)(c), Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang sewajarnya dan adalah menjadi kewajipan syeikh untuk memastikan ahli tarekatnya mematuhi arahan itu.

Salinan sumber rujukan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar.

15. (1) Syeikh hendaklah mengemukakan atau menyebabkan supaya dikemukakan kepada Pendaftar tiga salinan apa-apa bahan terbitan yang diterbitkan dalam apa jua bentuk dan melalui apa jua cara, termasuk secara elektronik, mekanikal, fotokopi dan rakaman, yang dijadikan rujukan oleh tarekat tasawuf itu sama ada atau tidak yang diterbitkan oleh tarekat tasawuf itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus

Penyediaan laporan tahunan.

ringgit.

16. (1) Syeikh hendaklah menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan suatu laporan tahunan bagi tahun sebelumnya mengikut bentuk yang ditetapkan oleh Pendaftar dan menyerahkan laporan tahunan itu kepada Pendaftar selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun berikutnya.

(2) Laporan tahunan itu hendaklah mengandungi yang berikut:

- (a) butir-butir syeikh;
- (b) senarai ahli tarekat;
- (c) senarai ahli tarekat yang dibuang;
- (d) kegiatan yang dijalankan; dan
- (e) apa-apa butir lain yang difikirkan oleh Pendaftar perlu dilaporkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN VII

PENGAWALAN TAREKAT TASAWUF

Kesalahan melanggar syarat pendaftaran.

17. Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan ke atas pendaftaran tarekat tasawuf adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk menutup pusat pengamalan tarekat tasawuf.

18. (1) Pendaftar boleh, atas arahan Jawatankuasa Fatwa atau atas budi bicaranya, tanpa menjejaskan perjalanan selanjutnya kuasa yang diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar di bawah Enakmen ini, setelah memberikan notis yang munasabah kepada syeikh atau

tuan punya premis, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan serta merta mengambil langkah-langkah yang difikirkan perlu oleh Pendaftar untuk mengarahkan supaya ditutup selama satu tempoh yang tidak melebihi enam bulan—

- (a) mana-mana pusat pengamalan tarekat tasawuf—
 - (i) yang telah ditubuhkan, diuruskan atau dikendalikan dengan melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
 - (ii) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar secara yang munasabah di dalamnya telah dilakukan atau berkemungkinan dilakukan atau sedang dilakukan apa-apa perbuatan atau benda yang melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
 - (iii) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar secara yang munasabah di dalamnya telah dilakukan atau berkemungkinan dilakukan atau sedang dilakukan suatu bentuk amalan yang bercanggah dengan bentuk pengamalan tarekat tasawuf yang direkodkan dalam Daftar di bawah perenggan 11(1)(h); atau
 - (iv) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar di dalamnya telah dijalankan atau sedang dijalankan amalan tarekat

- tasawuf yang tidak berdaftar;
- (b) mana-mana premis yang di dalamnya pengamalan suatu tarekat tasawuf berdaftar telah dijalankan atau sedang dijalankan atau berkemungkinan akan dijalankan tanpa kebenaran Pendaftar di bawah subseksyen 13(2); dan
 - (c) mana-mana premis yang Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar mengesyaki secara yang munasabah di dalamnya telah dijalankan atau sedang dijalankan amalan tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.

(2) Arahan untuk menutup di bawah subseksyen (1) boleh dibuat sama ada atau tidak tarekat tasawuf itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini berhubung dengan suatu tarekat tasawuf.

(3) Arahan untuk menutup di bawah subseksyen (1) boleh ditarik balik oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar setelah Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar berpuas hati bahawa syeikh telah mengambil langkah-langkah untuk mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar, dan memastikan amalan tarekat tasawuf itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(4) Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir tentang penutupan dan penarikan balik penutupan sesuatu pusat pengamalan tarekat tasawuf dalam Daftar.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga

tahun dan dikenakan denda lima ribu ringgit.

19. Walau apa pun subseksyen 18(1), Pendaftar boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah untuk menutup dan apa-apa perintah selanjutnya dan yang berbangkit daripada penutupan itu—

Perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah.

- (a) mana-mana pusat pengamalan tarekat tasawuf—
 - (i) yang telah ditubuhkan, diuruskan atau dikendalikan dengan melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
 - (ii) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar secara yang munasabah di dalamnya telah dilakukan atau berkemungkinan dilakukan atau sedang dilakukan apa-apa perbuatan atau benda yang melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
 - (iii) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar secara yang munasabah di dalamnya telah dilakukan atau berkemungkinan dilakukan atau sedang dilakukan suatu bentuk amalan yang bercanggah dengan bentuk pengamalan tarekat tasawuf yang direkodkan dalam Daftar di bawah perenggan 11(1)(h); atau
 - (iv) yang disyaki oleh Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar di dalamnya telah dijalankan atau sedang dijalankan amalan tarekat

tasawuf yang tidak berdaftar;

- (b) mana-mana premis yang di dalamnya pengamalan suatu tarekat tasawuf berdaftar telah dijalankan atau sedang dijalankan atau berkemungkinan akan dijalankan tanpa kebenaran Pendaftar di bawah subseksyen 13(2); dan
- (c) mana-mana premis yang Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar mengesyaki secara yang munasabah di dalamnya telah dijalankan atau sedang dijalankan amalan tarekat tasawuf yang tidak berdaftar.

Pembatalan pendaftaran.

20. (1) Jawatankuasa Fatwa boleh membatalkan pendaftaran mana-mana tarekat tasawuf berdaftar jika Jawatankuasa Fatwa berpuas hati bahawa—

- (a) syeikh bagi tarekat tasawuf itu telah melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang bercanggah dengan Hukum Syarak;
- (b) syeikh bagi tarekat tasawuf itu tidak melaksanakan kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) syeikh bagi tarekat tasawuf itu tidak mematuhi mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar; atau
- (d) syeikh bagi tarekat tasawuf itu telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran tanpa mengira hakikat bahawa tidak ada pendakwaan bagi kesalahan berkenaan pelanggaran itu.

(2) Sebelum membatalkan pendaftaran sesuatu tarekat tasawuf berdaftar, Jawatankuasa Fatwa hendaklah memberikan peluang kepada syeikh bagi tarekat tasawuf itu—

- (a) untuk membetulkan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan oleh syeikh itu yang

bercanggah dengan Hukum Syarak;

- (b) untuk melaksanakan kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar;
- (c) untuk mematuhi mana-mana arahan Jawatankuasa Fatwa atau Pendaftar; atau
- (d) untuk membetulkan pelanggaran mana-mana syarat pendaftarannya.

(3) Jika syeikh gagal untuk bertindak menurut subseksyen (2), Jawatankuasa Fatwa boleh membatalkan pendaftaran tarekat tasawuf itu melalui notis secara bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian dan menghendaki syeikh itu membuat representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa.

(4) Selepas tamat tempoh yang disebut dalam subseksyen (3), dan setelah mempertimbangkan apa-apa representasi, jika ada, maka Jawatankuasa Fatwa boleh membatalkan pendaftaran tarekat tasawuf itu dengan memberikan notis pembatalan pendaftaran secara bertulis.

(5) Notis pembatalan pendaftaran yang disebut dalam subseksyen (4)—

- (a) hendaklah menyatakan alasan bagi pembatalan itu dan tarikh pembatalan itu berkuat kuasa; dan
- (b) hendaklah mengandungi segala arahan yang bersifat sampingan, berbangkit, tambahan atau peralihan yang difikirkan oleh Jawatankuasa Fatwa perlu atau suai manfaat.

(6) Keputusan Jawatankuasa Fatwa adalah mukta-mad.

(7) Dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembatalan pendaftarannya berkuat kuasa, syeikh hendaklah menyerahkan Perakuan Pendaftaran tarekat tasawuf itu kepada Pendaftar.

(8) Mana-mana syeikh yang melanggar subseksyen (7) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

(9) Jika selepas pensabitan di bawah subseksyen (8), syeikh itu masih tidak menyerahkan Perakuan Pendaftaran tarekat tasawuf itu kepada Pendaftar, syeikh itu boleh dikenakan denda selanjutnya yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

Pembatalan pendaftaran tarekat tasawuf yang tidak lagi diamalkan.

(10) Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir tentang pembatalan pendaftaran sesuatu tarekat tasawuf dalam Daftar.

21. (1) Jawatankuasa Fatwa boleh membatalkan pendaftaran mana-mana tarekat tasawuf berdaftar jika Jawatankuasa Fatwa berpuas hati bahawa ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa tarekat tasawuf itu tidak lagi diamalkan.

(2) Sebelum membatalkan pendaftaran tarekat tasawuf di bawah subseksyen (1), Pendaftar hendaklah membuat pemberitahuan tentang niat Jawatankuasa Fatwa itu melalui notis yang disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam apa-apa bahasa lain.

(3) Mana-mana orang yang bercadang hendak membuat apa-apa bantahan terhadap niat Jawatankuasa Fatwa

untuk membatalkan pendaftaran tarekat tasawuf itu bolehlah mengemukakan bantahannya kepada Pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis dalam subseksyen (2).

(4) Selepas tamat tempoh yang disebut dalam subseksyen (3) dan setelah mempertimbangkan apa-apa bantahan, jika ada, Jawatankuasa Fatwa boleh membatalkan pendaftaran tarekat tasawuf itu dengan menyiarkan hakikat tentang pembatalan itu, melalui pemberitahuan dalam Warta.

Kesan pembatalan pendaftaran.

22. (1) Syeikh bagi tarekat tasawuf yang telah dibatalkan pendaftarannya—

- (a) hendaklah menutup pusat pengamalan tarekat tasawuf itu;
- (b) hendaklah menghentikan pengurusan dan pengendalian tarekat tasawuf itu;
- (c) hendaklah menghentikan apa-apa amalan tarekat tasawuf itu di kalangan ahli tarekatnya;
- (d) hendaklah menghentikan apa-apa usaha penyebaran tarekat tasawuf itu, termasuk pengedaran apa-apa bahan yang diterbitkan dalam apa jua bentuk dan melalui apa jua cara, termasuk secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan selainnya sama ada atau tidak yang diterbitkan oleh tarekat tasawuf itu; dan
- (e) tidak boleh ada dalam milikannya apa-apa bahan terbitan yang disebut dalam perenggan (d).

(2) Mana-mana syeikh yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya, dan

Pendaftaran semula. dalam hal kesalahan berterusan, boleh dikenakan denda selanjutnya yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

Kuasa untuk menyasat. **23.** Walau apa pun seksyen 20 dan 21, mana-mana syeikh bagi tarekat tasawuf yang telah dibatalkan pendaftarannya boleh memohon untuk mendaftarkan semula tarekat tasawuf itu menurut peruntukan Enakmen ini.

BAHAGIAN VIII

En.
No. 13/2003.

PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN

Pendakwaan. **24.** Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama hendaklah mempunyai segala kuasa yang penuh dan perlu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan tentang apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

Kuasa Ketua Pendakwa Syarie tidak disentuh. **25.** Ketua Pendakwa Syarie boleh mengarahkan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Pemakaian Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. **26.** Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa Ketua Pendakwa Syarie di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

27. Bab 6 Bahagian VII, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 hendaklah terpakai berhubungan dengan pelupusan barang kes dan benda yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah Enakmen ini.

Penyampaian notis.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

28. (1) Tiap-tiap notis atau arahan atau surat-menyurat yang dikehendaki atau diberi kuasa untuk disampaikan di bawah Enakmen ini boleh disampaikan—

- (a) dengan membuat penyampaian ke diri syeikh;
- (b) dengan menghantar salinannya melalui pos berdaftar akuan terima kepada syeikh di alamat terakhir yang diketahui bagi pusat pengamalan tarekat tasawuf itu; atau
- (c) dengan menampal salinannya di mana-mana tempat yang mudah dilihat di pusat pengamalan tarekat tasawuf itu.

(2) Jika sesuatu notis atau arahan atau surat-menyurat disampaikan melalui pos berdaftar akuan terima, notis atau arahan atau surat-menyurat itu hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang mengikuti hari notis atau arahan atau surat-menyurat itu sepatutnya telah diterima dalam perjalanan biasa pos.

(3) Jika syeikh yang kepadanya telah dialamatkan suatu surat berdaftar akuan terima yang mengandungi apa-apa notis atau arahan atau surat-menyurat yang dikehendaki atau diberi kuasa untuk disampaikan di bawah peruntukan Enakmen ini diberitahu bahawa terdapat suatu surat berdaftar yang sedang menunggu untuk dipungut olehnya di pejabat pos, dan syeikh itu enggan atau abai untuk mengambil surat berdaftar itu, notis atau arahan atau surat-menyurat itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh syeikh diberitahu.

(4) Apa-apa notis, arahan atau surat-menyurat yang disampaikan mengikut subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya.

Kesalahan menghalang siasatan.

29. Mana-mana orang yang—

- (a) menghalang Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa

Agama yang dengan sah menjalankan kuasa penyiasatan bagi maksud Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

- (b) apabila dikehendaki oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama supaya mengemukakan apa-apa buku, rekod, dokumen, benda atau maklumat lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan, mengemukakannya, berlengah-lengah atau enggan mengemukakannya kepada Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pegawai Penguat Kuasa Agama; atau
- (c) menghalang apa-apa penyitaan bagi maksud penyiasatan di bawah Enakmen ini,

Kesalahan
memberikan
maklumat
palsu.

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

30. Mana-mana orang yang memberikan apa-apa pernyataan yang tidak benar atau palsu, atau menyembunyikan fakta yang material atau mengemukakan maklumat yang mengelirukan, atau memalsukan apa-apa dokumen, bagi maksud Enakmen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

Pindaan
Jadual.

31. Jawatankuasa Fatwa boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Besar, membuat peraturan-peraturan yang hendaklah disiarkan dalam Warta bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

32. Jawatankuasa Fatwa boleh, dengan kelulusan Yang

di-Pertuan Besar, meminda Jadual, termasuk menambah apa-apa borang, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

BAHAGIAN X

PERUNTUKAN PERALIHAN

Peruntukan
peralihan
bagi tarekat
tasawuf.

33. (1) Mana-mana syeikh bagi tarekat tasawuf yang telah diamalkan, ditubuhkan, diuruskan atau dikendalikan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah memohon untuk mendaftarkan tarekat tasawuf itu mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(2) Sementara menanti permohonan pendaftaran yang disebut di bawah subseksyen (1) diputuskan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu Perakuan Pendaftaran sementara bagi tarekat tasawuf itu dan menetapkan apa-apa syarat ke atas Perakuan Pendaftaran sementara itu dan Perakuan Pendaftaran sementara itu hendaklah menjadi bukti yang mencukupi tentang pembuatan permohonan itu.

(3) Tarekat tasawuf yang baginya Perakuan Pendaftaran sementara telah dikeluarkan boleh terus diamalkan dan dalam hal keadaan itu tarekat tasawuf itu hendaklah disifatkan sah disisi undang-undang.

(4) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan ke atas Perakuan Pendaftaran sementara itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga

ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

(5) Jika permohonan pendaftaran di bawah subseksyen (1) ditolak, syeikh hendaklah menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan Perakuan Pendaftaran sementara tarekat tasawuf itu kepada Pendaftar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan penolakan permohonan pendaftarannya dimaklumkan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

(7) Jika selepas pensabitan di bawah subseksyen (6) orang itu masih tidak menyerahkan Perakuan Pendaftaran sementara itu kepada Pendaftar, orang itu boleh dikenakan denda selanjutnya yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

Peruntukan
peralihan
bagi syeikh.

34. (1) Mana-mana syeikh bagi tarekat tasawuf yang telah diamalkan, ditubuhkan, diuruskan atau dikendalikan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah memohon untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Jawatankuasa Fatwa mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(2) Sementara menanti untuk mendapatkan keputusan pengiktirafan yang disebut di bawah subseksyen (1), Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu pengiktirafan

sementara bagi syeikh dan pengiktirafan sementara itu hendaklah menjadi bukti yang mencukupi tentang pembuatan permohonan itu.

(3) Mana-mana syeikh yang kepadanya pengiktirafan sementara telah diberikan hendaklah disifatkan telah diiktiraf bagi maksud Enakmen ini.

(4) Jika syeikh tidak diiktiraf oleh Jawatankuasa Fatwa, syeikh itu hendaklah menyerahkan pengiktirafan sementara itu kepada Pendaftar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan untuk tidak mengiktiraf syeikh itu dimaklumkan.

(5) Mana-mana syeikh yang melanggar subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

(6) Jika selepas pensabitan di bawah subseksyen (5), syeikh itu masih tidak menyerahkan pengiktirafan sementara itu kepada Pendaftar, syeikh itu boleh dikenakan denda selanjutnya yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan itu.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Enakmen ini akan diperbuat.

35. Segala perkara yang dilakukan, termasuk apa-apa pelantikan yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, pada menjangkakan Enakmen ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Enakmen ini, dan segala hak yang diperoleh atau kewajipan yang dikenakan ke atas dan bagi pihak Jawatankuasa Fatwa dan Pendaftar daripada apa-apa jua yang dilakukan

sedemikian hendaklah apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan kewajipan Jawatankuasa Fatwa dan Pendaftar.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(3)]

BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI
PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

baiah	بيعة
Hukum Syarak	حكوم شرع
Mufti	مفتى
silsilah	سلسلة
syekh	شيخ
tarekat	طريقة
talqin	تلقين
tasawuf	تصوف
zikir	ذكر

JADUAL KEDUA

BORANG TT 1

ENAKMEN TAREKAT TASAWUF (NEGERI SEMBILAN) 2005

[Subseksyen 9(1)]

PERMOHONAN PENDAFTARAN TAREKAT TASAWUF

1. SYEIKH	
i. Nama
ii. No. Kad Pengenalan
iii. Umur
iv. Jantina
v. Kewarganegaraan
vi. Tarikh Lahir
vii. Tempat Lahir
viii. Alamat Tetap

ix. Alamat Surat Menyurat

x. No. Telefon
xi. No. Faksimili
xii. E-mel
xiii. Kelayakan Akademik
2. ORANG YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN OLEH SYEIKH	
i. Nama
ii. No. Kad Pengenalan
iii. Umur
iv. Jantina
v. Kewarganegaraan
vi. Tarikh Lahir
vii. Tempat Lahir
viii. Alamat Tetap

ix. Alamat Surat Menyurat x. No. Telefon xi. No. Faksimili xii. E-mel xiii. Kelayakan Akademik
3. NAMA TAREKAT TASAWUF
4. SILSILAH TAREKAT TASAWUF
5. PUSAT PENGAMALAN TAREKAT TASAWUF
i. Alamat ii. No. Telefon
6. STRUKTUR ORGANISASI
7. BENTUK AMALAN ZIKIR

8. DOKUMEN-DOKUMEN LAIN
9. MAKLUMAT TAMBAHAN
10. PENGAKUAN
Saya.....No. K.P. dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.
Tandatangan..... Tarikh:
UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
Ulasan Pendaftar
Tandatangan..... Tarikh:

146 NEGERI SEMBILAN No. 10 TAHUN 2005

BORANG TT 2

ENAKMEN TAREKAT TASAWUF (NEGERI SEMBILAN) 2005

[Subseksyen 12(1)]

PERAKUAN PENDAFTARAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005, Jawatankuasa Fatwa telah meluluskan pendaftaran

.....
.....

pada untuk diamalkan di Negeri Sembilan Darul Khusus di

bawah pimpinan
.....

No. Kad Pengenalan di pusat pengamalan tarekat tasawuf

di alamat
.....

.....
.....

DAN pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1), saya

.....
selaku Pendaftar mengeluarkan Perakuan Pendaftaran ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tarikh:

Diluluskan dalam Dewan Negeri yang bersidang pada
1 Disember 2005.

YAAKOP BIN RANTAU
Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Negeri Sembilan